

Budak cedera dihujani peluru penabur ketika makan

BERITA HARIAN 25/4/17 m/s 25

[FOTO SHARUL HAFIZ ZAM/BH]



Mohd Rahmat Othman menunjukkan kesan peluru penabur pada peti ais dan pintu belakang rumah yang telah mencederakan anak saudaranya di Kampung Lubuk Keriang, Alor Setar, semalam.

Alor Setar: Seorang budak perempuan berusia 12 tahun, cedera selepas beberapa anggota badannya, akibat dihujani tembakan 14 peluru penabur, yang tersasar ketika dilepaskan pemburu burung ayam-ayam.

Kejadian berlaku di Kampung Lubuk Keriang, Lesong dekat Langgar itu, jam 6.30 petang, ketika Nur Syahida Bakar, yang juga murid Sekolah Kebangsaan (SK) Tualang dekat Pokok Sena, sedang makan bersama keluarga di ruang dapur rumah mereka.

Bapa mangsa, Bakar Saad, 45, berkata ketika kejadian, dia berada di meja makan, manakala Nur Syahida dan anak bongsunya berusia tiga tahun bersila di ruang dapur rumah.

"Ketika sedang makan, tiba-tiba satu letupan kedengaran, ketika itu saya melihat dahi Nur Syahida berdarah dengan beberapa kesan tembakan peluru penabur turut kelihatan pada badan.

"Memang sebelum ini kawasan

sawah berhampiran rumah kami sering jadi tumpuan pemburu burung ayam-ayam, namun belum pernah lagi tembakan dilepaskan tersasar sehingga mencederakan orang," katanya yang mempertimbangkan tindakan undang-undang terhadap individu yang mencederakan anaknya itu.

Peluru tersasar

Bakar percaya individu terbabit cuai ketika menembak burung di kawasan bendang berdekatan menyebabkan peluru tersasar memasuki pintu dapur rumahnya, menyebabkan Nur Syahida yang ketika itu menghadap pintu, menjadi sasaran.

Tinjauan di lokasi kejadian, mendapati kesan lebih 50 peluru penabur jelas pada rumah mangsa khususnya pada pintu peti sejuk.

Ketua Polis Daerah Kota Setar, Asisten Komisioner Mohd Rozi Jidin, berkata susulan kejadian, dua individu berusia 46 dan 52 tahun ditahan untuk siasatan, manakala

selaras senapang patah jenis Topper 12 Bore dan lesen sah dirampas.

"Berdasarkan siasatan, kami mendapati pemilik senapang itu yang berusia 74 tahun tidak tahu yang senjata terbabit diambil dan digunakan anaknya bersama seorang rakan. Kes kini disiasat mengikut Seksyen 37 Akta Senjata 1960," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr Northizan Ismail, berkata pemeriksaan mendapati kanak-kanak itu ada 14 kesan tembakan pada beberapa bahagian tubuh, antaranya dahi, sendi bahu kanan, bahagian atas tangan kanan, siku kanan, sendi peha kanan, lutut kanan dan bahagian dada.

"Kanak-kanak itu dalam keadaan sedar dan stabil, dua daripada peluru terbabit sudah dikeluarkan di Jabatan Kecemasan dan Trauma HSB semalam (kelmarin), manakala bakinya dikeluarkan hari ini," katanya.